



**Manuscript Title:** Struktur, Klasifikasi Pugai dan Kaitannya dengan Sarwajagat Masyarakat  
Bajau di Kota Marudu, Sabah, Malaysia

**Authors:** Jasman Bandar and Asmiaty Amat

**Accepted Date:** 4-April-2023

**Please cite this article as:** Jasman Bandar and Asmiaty Amat. Struktur, Klasifikasi Pugai dan Kaitannya dengan Sarwajagat Masyarakat Bajau di Kota Marudu, Sabah, Malaysia. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

**STRUKTUR, KLASIFIKASI PUGAI DAN KAITANNYA DENGAN SARWAJAGAT MASYARAKAT BAJAU DI KOTA MARUDU, SABAH MALAYSIA**

***STRUCTURE, CLASSIFICATION OF PUGAI AND ITS RELATION TO THE WORLDVIEW OF THE BAJAU COMMUNITY IN KOTA MARUDU, SABAH MALAYSIA***

**Jasman Bandar and Asmiaty Amat\***

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, MALAYSIA

\*Corresponding author: [asmiaty@ums.edu.my](mailto:asmiaty@ums.edu.my)

**ABSTRACT**

*The mantras used by the ethnic groups in Sabah possess several similarities and differences with the mantras of the Malay Archipelago, especially in terms of structure and classification. The Pugai is a form of mantra used by the Bajau people living in Kota Marudu Sabah. The Pugai usually carries a negative connotation, and its practice is considered sinful. It is even said to be able to have a bad effect on the person who the pugai is aimed at. As a result of this, studies on the pugai are rarely done and even considered of little significance. Nevertheless, it is important to study the structure and form of the pugai in order to identify the local wisdom of the indigenous people of the past as well as to relate it to the worldview of the practicing community. Thus, a field research and direct observations were conducted by interviewing four experienced informants in Kg Biraan Laut and Kg Beliajung, Kota Marudu. The data obtained is documented, classified and analyzed using the Malay method approach, which focuses on the applied and the societal approaches. The findings of the study show differences in the structure of the prefixes and suffixes, the number of lines, and the classification of the pugai. Apart from that, the use of these two approaches not only highlights the community's local wisdom and the experiential dynamism but also demonstrates that it is closely related to the worldview of the Bajau community.*

**Keywords:** Bajau, Kota Marudu, Pugai, Structure, local wisdom, worldview

## ABSTRAK

*Mantera yang dimiliki oleh etnik-etnik di Sabah mempunyai persamaan dan perbezaan dari segi struktur dan klasifikasi dengan mantera orang Melayu Nusantara. Pugai adalah salah satu bentuk mantera yang dimiliki oleh orang Bajau yang tinggal di Kota Marudu Sabah. Pugai biasanya memberi konotasi negatif, dianggap syirik malah dikatakan berupaya memberi kesan buruk kepada orang yang dikenakan pugai. Justeru kajian terhadap pugai jarang-jarang dilakukan malah dianggap tidak penting untuk dipelajari. Pencirian struktur dan bentuk pugai sebenarnya penting bagi mengenalpasti kearifan lokal milik peribumi pada suatu ketika dahulu selain mengaitkannya dengan worldview masyarakat pengamalnya. Justeru, kajian lapangan dan pemerhatian langsung dilakukan dengan menembual empat orang informan terpilih yang berpengalaman di Kg Biraan Laut dan Kg Beliajung, Kota Marudu. Data yang diperoleh didokumentasi, diklasifikasi dan dianalisis menggunakan Pendekatan pengkaedahan Melayu, yang memfokuskan kepada pendekatan gunaan dan pendekatan kemasyarakatan. Dapatan kajian memperlihatkan perbezaan struktur awalan dan akhiran, jumlah baris, dan klasifikasi pugai. Selain itu, penggunaan kedua-dua pendekatan ini bukan sahaja menyerlahkan kearifan lokaln dan kedinamikan pengalaman yang mereka lalui malah memperlihatkan bahawa ia berkait rapat dengan sarwajagat masyarakat Bajau tersebut.*

**Kata kunci:** Bajau, Kota Marudu, Pugai, Struktur, kearifan lokal, sarwajagat

## PENGENALAN

Masyarakat Bajau di daerah Kota Marudu tergolong dalam etnik Bajau atau dikenali sebagai Sama atau *jomo sama*. Sungguhpun mereka ini ingin membezakan pencirian daripada Bajau di Pantai Timur, sebenarnya mereka juga adalah berasal daripada golongan maritim. Cuma terdapat dalam kalangan mereka telah lama hidup di darat dan bekerja sebagai petani seperti masyarakat Bajau di Kota Belud, Tuaran dan Pitas. Menurut Sopher. D (1965) masyarakat Bajau Sama memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam ilmu kelautan yang menyebabkan aktiviti kelautan menjadi sebahagian besar daripada sumber ekonomi mereka. Masyarakat Bajau terpisah kepada tiga negara, iaitu Malaysia, Indonesia dan Filipina disebabkan oleh pemerintahan kolonial (Gusni Saat, 2018). Walaupun Bajau Pantari Barat dan Pantai Timur berasal dari sumber yang sama iaitu dari Selatan Filipina, terdapat perbezaan yang ketara antara masyarakat Bajau Pantai Barat dan Bajau Pantai Timur dari segi bahasa, latar belakang geografi pola ekonomi, amalan dan kepercayaan, dan tradisi lisan (Halina Sendera Mohd Yakin, 2013).


Bagi masyarakat Bajau yang menempati Kota Marudu di Pantai Barat Sabah, pola petempatan mereka adalah di kawasan pinggir pantai, kawasan tanah pamah dan kawasan yang berbukit-bukau. Jasman Bandar & Lokman Abdul Samad (2018) mendapati bahawa kepelbagaian variasi latar belakang geografi penempatan etnik tersebut memberi peluang mereka mencipta ilmu pengetahuan daripada tradisi lisan berdasarkan kepada jenis lokasi penempatan mereka. Ini menyebabkan terhasil kepelbagaian kearifan dalam masyarakat tersebut.

Keunikan latar geografi yang dimiliki oleh masyarakat Bajau Kota Marudu menyebabkan pelbagai kearifan tempatan yang wujud yang mewarnai amalan dan kepercayaan dalam tradisi lisan dan kebendaan masyarakat Bajau Kota Marudu. Dari segi geografi masyarakat lokasi daerah Kota Marudu merupakan daerah yang begitu strategik yang mana ia terletak dikawasan utama laluan ke Kudat dan Pitas, bersempadanan dengan daerah Kota Belud. Teluk Marudu kaya dengan pelbagai hasil laut menyebabkan aktiviti nelayan dijadikan sebagai salah satu sumber ekonomi penting. Selain itu, latar belakang daerah Kota Marudu yang luas tanah pamah membolehkan mereka melakukan aktiviti pertanian seperti menanam padi, kelapa, bijirin, buah-buahan dan pelbagai tanaman lainnya sama ada untuk kegunaan sendiri ataupun sebagai sumber ekonomi.

Kajian Hanafi Hussin (2008) mendapati worldview masyarakat Bajau di Pantai Timur masih lagi dipengaruhi ajaran Pra Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana amalan budaya tradisi mereka masih lagi terdapat jejak dan kesan kepercayaan terdahulu, iaitu kepercayaan terhadap makhluk halus dan jin. Bagi masyarakat Bajau Kota Marudu, mereka telah memeluk agama Islam dan menjadikan ia sebagai landasan kehidupan mereka. Kepercayaan dan amalan tradisi sukar ditemui kerana usia pengamal adat kebanyakannya telah lanjut dan tidak terdapat pewaris yang berminat mewarisi amalan dan kepercayaan tersebut. Atas sebab demikian, tidak banyak amalan yang berkaitan dengan suatu ritual yang tidak dikenal jelas matlamat dan tujuannya (Lokman & Jasman, 2017). Sedaya upaya mereka cuba menolak amalan tradisi yang dianggap bertentangan dengan ajaran Islam kerana mereka percaya bahawa jika mereka mengamalkan sesuatu amalan bertentangan dengan Islam, mereka akan terkena balasan secara langsung dan tidak langsung atas perbuatan yang mereka lakukan (Matusin, 2021). Mereka juga berusaha memasukkan elemen agama dalam pembentukan budaya tradisi yang ingin mereka teruskan seperti memulakan perlakuan dengan menyebut *bismillah hirahman nirrahim* yang dilakukan dengan menyerahkan segala urusan dan ketentuan hanya kepada Allah. Mereka percaya bahawa jika suatu amalan ataupun pekerjaan tidak dilakukan dengan menyebut nama Allah maka akan berlaku suatu masalah, kerja tidak siap dan masyarakat Bajau Kota Marudu terdahulu menganggapnya

sebagai “kedahuluan syaitan” yang membawa konotasi maksud bahawa makhluk selain manusia akan mengganggu dan menyesatkan sehingga suatu pekerjaan tidak siap dan berlaku permasalahan jika diteruskan. Menurut Zubaidah Said (2021), misalnya dalam amalan dan kepercayaan dalam membuat rumah jika gagal diniatkan kerana Allah maka masalah menyiapkan rumah tersebut akan sentiasa ada seperti ukuran tidak tepat, rumah kurang kukuh, bahan-bahan rumah retak dan pelbagai masalah lainnya. Jika dilihat dalam konteks pertanian pula, jika gagal menyebut nama Allah semasa membersihkan, memasang pagar, menanam pokok maka ia akan menyebabkan tanaman tidak subur, terbantut dan jika diteruskan maka tidak banyak hasil yang dituai.

Bagi memahami worldview masyarakat Bajau di pantai barat difahami secara dengan memahami empat peringkat yang menjadi landasan dalam kehidupan mereka sepertimana dalam rajah berikut.



Rajah 1: Kosmologi Bajau Pantai Barat  
Sumber: Saidatul Nornis Mahali Bajau Pantai Barat (2012)

Rajah 1 menerangkan gambaran kosmologi masyarakat Bajau Pantai Barat yang memiliki empat tingkat worldview kehidupan yang menjadi pegangan dan panduan dalam kehidupan mereka. Tingkat yang paling atas adalah tingkat yang tertinggi dalam kepercayaan masyarakat Bajau Pantai Barat, yang mana tingkat ini adalah melambangkan kedudukan Allah (latalla) dalam kehidupan mereka. Segala ketentuan, amalan mereka adalah berpandukan agama Islam yang menjadi landasan dan pembentukan adab serta adat budaya yang mereka warisi.

Tingkat yang kedua adalah roh-semangat yang dihuni oleh dua jenis roh iaitu roh baik yang dipanggil sebagai *embo* yang merujuk kepada roh baik dan *Meron* (roh jahat). Dalam konteks yang kedua ini membawa maksud mereka percaya bahawa roh baik ini iaitu *embo-embo* yang merupakan roh nenek moyang yang Sudah lama meninggal akan sentiasa memerhati tingkah laku anak cucu mereka, jika mereka berbuat kesalahan atau melanggar pantang larang adat budaya mereka akan diberikan teguran berupa penyakit dan ada juga disampaikan teguran melalui mimpi atupun dengan memberi suatu penyakit sebagai peringatan, manakala roh jahat yang dikenali dengan nama *Meron* merupakan roh yang selalu mengganggu ketenteraman dan kesejahteraan manusia. Dalam konteks masyarakat Bajau Kota Marudu mereka disuruh agar sentiasa berbuat baik walau dalam keadaan apapun. Setiap apa yang berlaku dalam dunia ini pasti mempunyai kifarrah.

Tingkat yang ketiga ialah langit, iaitu Bajau percaya bahawa terdapat alam selain alam nyata, iaitu alam ghaib yang dihuni oleh makhluk ghaib seperti jin, malaikat, hantu dan semangat. Dalam tingkat ini masyarakat Bajau diajar untuk saling menghormati antara sesama makhluk dilarang taksub dan takbur. Tingkat yang keempat adalah tingkat bumi iaitu sebagai tempat tinggal masyarakat Bajau. Dalam tingkat ini orang tua masyarakat Bajau mengajarkan anak dan cucu mereka agar hidup secara harmoni dan menjaga keamanan serta kesejahteraan. Setiap amalan dan tingkah laku yang dilakukan akan menjadi landasan kehidupan kelak, jika seseorang berbuat baik maka kehidupan kelak juga akan menjadi baik.

Sejajar dengan kepercayaan terhadap pencipta dan alam, manusia Bajau mencipta tradisi lisan sebagai salah satu usaha untuk berhubung dan memohon kesejahteraan kehidupan mereka. Frazer (1922) menyatakan mantera dijadikan sebagai salah satu kepercayaan terawal bagi manusia mengenal dunia dan berinteraksi dengan keadaan yang ada di persekitaran. Kenyataan ini diperkukuhkan oleh Hermansyah (2010) yang menyatakan mantera mempunyai fungsi yang penting pada masa dahulu kala bagi membentuk pemikiran dan tindakan sosial pada masa dahulu yang berfungsi untuk menjaga keharmonian dan kesejahteraan masyarakat setempat. Seterusnya Kumar (2005) berpandangan, menerusi mantera pengalaman dan ilmu pengetahuan diabadikan menerusi struktur bacaan dengan persembahan, jenis, aspek, elemen mengikut konteks kehidupan sosial yang dilalui oleh sesebuah masyarakat itu. Mantera bagi masyarakat Bajau di Kota Marudu digelar sebagai pugai.

Pugai dalam erti kata yang lebih luas ditakrifkan sebagai pemanis dan perhiasan diri yang dikaitkan dalam masyarakat Melayu. Haron Daud (2007) menyatakan bahawa mantera pemanis mampu menaikkan seri wajah pemakai dan sehingga menimbulkan minat dan kasih sayang orang yang melihat. Terdapat pelbagai

jenis mantera pemanis yang digunakan secara lebih khusus, penyeri pakaian dan pemanis suara. Dalam mantera ini, diri atau bahagian badan dibandingkan dengan unsur alam yang cantik atau disukai ramai. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Rahimah Ghani (2019) mantera pemanis berfungsi untuk meningkatkan seri dan keyakinan sang pemakai mantera jenis pemanis tersebut. Suatu bacaan mantera dikatakan dapat membentuk kekuatan dalaman dan luaran dalam diri individu yang memakai mantera pemanis itu. Kenyataan ini menjelaskan bahawa mantera untuk tujuan pemanis diri dan perhiasan diri ini digunakan untuk memberikan nilai tambah kepada seseorang itu agar kelihatan lebih baik daripada sebelum dalam segala aspek pandangan mata, hati seseorang yang melihat seseorang memakai mantera tersebut. Secara dasarnya, pugai ditakrifkan umum sebagai suatu bacaan yang dilakukan meningkatkan seri dan keyakinan seseorang itu agar kelihatan lebih menarik dan disukai orang.

Pugai dianggap sebagai salah satu kearifan lokal masyarakat peribumi sebagai usaha bagi membantu mereka memperindah wajah agar dipandang cantik dan menarik oleh orang lain. Dalam konteks yang lebih luas dan mendalam, masih terdapat pugai yang belum diketahui dalam masyarakat Bajau Kota Marudu malah skop pugai yang difahami masyarakat ini adalah lebih luas dan bukan hanya untuk tujuan memikat.

## **PERMASALAHAN, OBJEKTIF KAJIAN DAN KAJIAN LEPAS**

Mohd Taib Osman (1997) menjelaskan kepercayaan orang Melayu berakar kepada tiga, iaitu kepercayaan Islam, animisme dan Hindu Buddha. Hasil gabungan ketiga-tiga kepercayaan ini memperlihatkan nilai-nilai kehidupan sosial yang terserlah dalam amalan budaya masyarakat setempat. Pugai dalam masyarakat Bajau juga menerima pengaruh yang sama daripada ketiga-tiga teras kepercayaan ini. Kesemua elemen ini memacu ke arah pembentukan kebudayaan masyarakat Bajau Kota Marudu yang lebih kompleks. Tentu terdapat pelbagai fungsi yang diperlihatkan secara kiasan dan bersifat abstrak dalam setiap bacaan pugai yang mencerminkan pandangan alam dan kosmologi kehidupan masyarakat Bajau Kota Marudu. Justeru persoalan yang ditekankan adalah fungsi tersirat pugai yang harus diselidik. Hal ini kerana dalam fungsi-fungsi tersebut terdapat makna, ilmu pengetahuan, pedoman, kearifan tempatan dan sistem peradaban serta ketamadunan masyarakat Bajau Kota Marudu.

Sungguhpun kesemua mantera berbentuk puisi berangkap namun setiap mantera yang dihasilkan tentulah memiliki fungsi dan diklasifikasikan mengikut fungsi dan strukturnya. Haron Daud (2009) berpendapat bahawa faktor persekitaran dan kepercayaan yang diamalkan dan diwarisi oleh masyarakat setempat menjadi

faktor penentu kepada pembentukan struktur mantera yang mereka warisi. Sungguhpun pada dasarnya ia menerima pengaruh yang sama, iaitu alam dan kepercayaan, namun cara mantera itu terhasil memiliki perbezaan antara satu etnik dengan etnik yang lain. Oleh kerana pugai seringkali dianggap sebagai mantera yang dianggap negatif dalam masyarakat, ia jarang-jarang dikaji malah dianggap sebagai khurafat dan syirik, atas persepsi pugai memuja roh selain Tuhan dan memberi mudarat kepada orang lain. Tanggapan-tanggapan tersebut menyebabkan pugai tidak wajar dikaji apatah lagi dipelajari. Sebenarnya pugai yang dimiliki oleh orang Bajau Kota Marudu ini memperlihatkan satu bentuk kearifan lokal yang bersifat menyeluruh dan tidak hanya tertakluk kepada pugai pengasih. Oleh sebab itu, kajian ini dilakukan bagi menyerlahkan kepelbagaian struktur pugai dan menyenaraikan fungsi-fungsinya sebagai satu bentuk kearifan lokal masyarakat pengamalannya.

Windstedt (1951) dalam kajian beliau *The Malay Magician, Being Shaman, Saiva And Sufi* mengaitkan latar belakang budaya dan amalan masyarakat Melayu dalam perkara ghaib dan fungsi tok bomoh atau pawang. Kajian ini bersamaan dengan kajian mantera Haron Daud (2009) bertajuk *Mantera Melayu dan Analisis Luar Biasa* yang menentukan beberapa struktur mantera Melayu bermula daripada awal, pertengahan dan akhiran berserta dengan beberapa penerangan berkenaan struktur mantera. Kajian Rahmah Ghani et, al (2019) hanya menjurus kepada perbincangan struktur mantera kecantikan sementara Ashriyati, Ni'am (2010), Yusri et.al. (2001) dan Soedjijono (1987) memperlihatkan struktur mantera di Indonesia secara umum.

Hermansyah (2010) menyifatkan mantera sebagai puisi terawal di Nusantara yang mempunyai pelbagai peranan kepada masyarakat pengamalannya terutamanya dalam hal membantu mencari jalan dan ikhtiar untuk menyelesaikan suatu masalah yang mereka hadapi. Sepertimana dalam kajian Ros Aiza Mohd Mokhtar (2015) mendapati wujud nilai Islam, kesenian dan falsafah dalam sesuatu pengamalan budaya setempat. Namun demikian, ia perlu diperhalusi untuk melihat perkara-perkara yang positif yang dapat dijadikan sebagai pengajaran, pendidikan serta pedoman kepada masyarakat setempat sementelah Hashim Awang (2007) menjelaskan bahawa walaupun mantera ditafsirkan sebagai suatu tradisi lisan yang bernilai syirik, dalam aspek lainnya ia perlu selidiki secara mendalam. Dapatan kajian beliau juga menegaskan bahawa mantera dapat membantu memahami pemikiran orang Melayu (1996). Bersandarkan kepada kenyataan ini, pugai juga perlu dikaji untuk memahami pemikiran masyarakat Bajau Kota Marudu tentang ilmu pengetahuan dan pengalaman yang mereka lalui dalam kehidupan terdahulu.

Kajian berkenaan mantera dalam kalangan etnik Sabah ditulis oleh beberapa orang pengkaji dengan memfokuskan mantera dalam satu-satu etnik tertentu.



Minah Sintian (2012) mengkaji mantera etnik Kadazan Dusun secara umum sementara tulisan Ain Apaina & Asmiaty (2019) pula memfokuskan kepada mantara yang dikenali sebagai *pironok*, sejenis mantera yang digunakan oleh pemimpin dalam kalangan etnik Dusun Kimaragang di Sabah. Saidatul Nornis (1999) memperlihatkan fungsi mantera padi yang biasa digunakan dalam kalangan petani Bajau di Sabah untuk membantu mereka menjaga tanaman. Tulisan Jasman Bandar, Lokman dan Asmiaty (2018), meneliti mantera dalam etnik Sungai termasuk beberapa bentuk pugai yang dimiliki masyarakat tersebut. Syamsul (2013) pula meneliti pugai dalam etnik Bajau Semporna yang memperlihatkan bagaimana pugai tersebut bertentangan dengan agama Islam. Kajian ini membantu memberikan gambaran berkenaan ilmu pugai dan mendapati golongan Kelamat adalah pengamal ilmu ini dengan menggunakan suatu peralatan seperti baju, rambut, gambar dan sebagainya. Dalam dapatan beliau juga mendapati ilmu pugai ini boleh berakibat buruk jika disalahgunakan kerana ia dapat bertujuan negatif seperti menghancurkan rumah tangga orang.

Memandangkan kajian-kajian sebelum ini tidak menyerlahkan struktur dan klasifikasi pugai dalam bentuknya sebagai sebuah mantera, maka kajian ini diusahakan untuk memperlihatkan struktur dan klasifikasi serta fungsi pugai masyarakatat Bajau Kota Marudu yang belum dilakukan. Seajar itu ia mampu memperlihatkan kearifan lokal masyarakat tersebut dan mengaitkannya dengan sarwajagat atau *weltanschauung* etnik tersebut.

Berdasarkan kepada isu dan permasalahan yang telah dibincangkan maka, objektif kajian ini adalah seperti di bawah.

1. Mengenalpasti struktur dan klasifikasi pugai masyarakat Bajau Kota Marudu di Sabah.
2. Menganalisis *worldview* masyarakat Bajau Kota Marudu menerusi pugai.

## METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kualitatif yang berfokuskan kepada kerja lapangan, pemerhatian dan temubual dilakukan terhadap empat informan terpilih atas pengalaman serta dipercayai arif dalam pugai. Mereka tinggal di dua buah kampung, iaitu Kg Beliajung dan Kg Biraan Laut, di Kota Marudu. Menerusi temubual, beberapa soalan berbentuk lisan telah dikemukakan kepada informan yang terpilih dengan skop kajian yang ingin dijalankan. Soalan lisan dikemukakan kepada informan untuk mendapatkan maklumat yang bertepatan dengan tajuk kajian. Soalan-soalan yang dikemukakan kepada informan mengikut kesesuaian dan terdapat soalan yang berubah mengikut situasi ketika informan menyampaikan data.

Selain itu data sekunder turut digunakan dengan mendapatkan bahan bacaan daripada buku, jurnal sastera, kertas seminar, kertas kerja, glosari istilah, kamus, latihan ilmiah dan tesis para sarjana.

Kerangka utama menggunakan kajian folklore oleh Dundes (1965) yang menggunakan tiga peringkat, iaitu mengenalpasti, mengumpul data dan menganalisis data. Melalui langkah pertama ini, pengkaji mengumpul data pugai di dua buah Kg di Kota Marudu. Sebelum sesi temu bual bersama informan dilakukan, pengkaji membuat janji temu dan berbincang terlebih dahulu dengan informan secara tidak formal untuk membina persefahaman. Antara aspek penting yang dibincangkan ialah masa dan tarikh untuk menemu bual informan dan tempat dalam proses rakaman cerita. Aspek-aspek tersebut wajar dibincangkan untuk memastikan proses rakaman dapat dijalankan dengan sistematik. Melalui tatacara tersebut, pengkaji dapat memperoleh pugai tanpa wujud rasa tidak selesa dalam kalangan informan.

Pemilihan informan tidak mudah kerana wujud pelbagai kekangan seperti faktor kesediaan dan kesudian pengamal berkongsi ilmu pengetahuan berkenaan pugai. Pugai dianggap sakral dan ada yang berasa takut untuk membaca pugai disebabkan kefahaman bahawa segala makhluk halus akan menghampiri mereka. Menurut keempat-empat informan, bacaan pugai itu akan 'menjadi' apabila seseorang memiliki kekuatan dalaman dengan amalan tertentu untuk mewujudkan magis dalam bacaan pugai yang dibaca. Bacaan pugai secara terus tanpa suatu amalan tidak akan memberi sebarang kesan. Stigma pemikiran yang berlaku itu sebenarnya adalah kesan amalan sihir yang sering dikaitkan dengan pugai. Kekeliruan di sini wujud kerana terdapat pengamal yang kurang berpengalaman dan ada yang menyalahgunakan pugai dengan memakai sihir dan bertujuan untuk kepentingan diri sendiri. Dalam amalan pugai, ia lebih mengutamakan konsep dan nilai yang ada dalam Islam dan ia memiliki ilmu pengetahuan dan kearifan tempatan serta nilai-nilai murni yang dapat dijadikan sebagai pedoman dan amalan harian pengamal. Justeru, seseorang yang ingin belajar pugai hendaklah memperbaiki perilaku dan perwatakan sehingga menjadi orang baik terlebih dahulu baru layak mempelajari suatu bacaan pugai.

Proses pemilihan informan dilakukan dengan membuat tinjauan awal selama beberapa minggu untuk memahami apakah sebenarnya pugai. Pada awalnya terdapat ramai pengamal pugai namun hanya empat orang yang benar-benar layak berdasarkan kriteria mereka adalah orang Bajau asli, memiliki pengetahuan berkenaan latar belakang masyarakat Bajau, dan mereka pengamal pugai untuk manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan, mereka mengetahui maksud pemikiran dan falsafah yang ada dalam pugai, banyak mengetahui pantang larang pugai, mengetahui cara mengubati masalah penyakit terkait masalah ghaib, dan dapat

bertindak untuk mengubati dan menyembuhkan seseorang daripada mudarat akibat permainan orang.

Pengkaedahan Melayu yang dibina oleh Hashim Awang (1999, 1992) digunakan untuk menganalisis data. Teori ini menekankan pengaruh alam dan agama sebagai teras dan asas pembentukan kepada tradisi lisan Melayu. Pada dasarnya, dalam kehidupan masyarakat Melayu, sesebuah karya lisan itu berpaksikan alam dan agama Islam yang membentuk wahana dan cara berfikir masyarakat melayu tentang segala yang berlaku dalam kehidupan seharian. Justeru itu, teori ini dapat membantu-menyelongkar secara mendalam berkenaan segala maklumat, struktur, makna dan ilmu pengetahuan dalam karya lisan itu secara sistematik dan mendalam. Atas sebab demikian, jika dikaitkan dalam konteks kajian ini, elemen struktur, baris dan klasifikasi pugai juga terbentuk daripada elemen alam dan agama Islam.

Teori ini membahagikan dua Pengkaedahan iaitu Alamiah dan Keagamaan dan saling berhubung kait. Masing-masing pengkaedahan terdiri daripada tiga pendekatan, iaitu Pengkaedahan Alamiah terdiri daripada pendekatan moral, gunaan firasat. Pengkaedahan Keagamaan terdiri daripada pendekatan seni, kemasyarakatan dan dakwah. Bertepatan dengan matlamat kajian ini, adalah bertujuan untuk menganalisis secara holistik berkenaan pembentukan struktur baris dan klasifikasi dalam pugai. Kerangka pemikiran dalam teori ini, memberikan banyak pilihan untuk menganalisis objektif kajian seperti yang telah dinyatakan di atas. Sememangnya kesemua pendekatan yang ada dalam teori ini dapat digunakan untuk menganalisis kesemua objektif kajian. Namun demikian, hanya terdapat dua pendekatan yang benar-benar memiliki kesesuaian untuk sebagai tujuan objektif kajian ini, iaitu menerusi pendekatan gunaan dan pendekatan kemasyarakatan.

Kajian ini dilakukan bukan hanya sekadar mendokumentasikan struktur, baris dan klasifikasi namun turut memperlihatkan pembentukan unsur-unsur yang ada dalam pugai. Hal inilah sebenarnya yang membezakan antara pugai dengan jenis dan kategori mantera lainnya. Sudah tentu dalam pugai memiliki kelainan, perbezaan dan ilmu pengetahuan yang mendasari kehidupan masyarakat Bajau Kota Marudu. Atas sebab demikian, bertepatan dengan kenyataan Hashim Awang (2000) teori ini dapat membantu mengetengahkan cara berfikir, kehidupan, amalan dan kepercayaan, kebudayaan masyarakat setempat. Kajian ini memberikan sumbangan dalam konteks kerangka analisis yang menyelongkar dan menghuraikan ilmu pengetahuan yang ada dalam pugai dengan menjelaskan citra dan latar belakang peristiwa sehingga terbentuk pugai secara sistematik. Oleh yang demikian, dalam kajian ini tidak hanya memberikan maklumat berkenaan elemen fizikal dalam pugai, tetapi menerangkan realiti dan hakikat kehidupan masyarakat Bajau Kota Marudu sehingga tercetusnya variasi ilmu

pengetahuan dalam pugai. Hal ini membentuk pengetahuan saintifik berasaskan rasional dan logik pemikiran dengan mengetengahkan dan mengaitkannya dengan nilai kearifan tempatan masyarakat Bajau kota marudu menerusi amalan pugai.

Pengkaedahan Melayu yang pertama adalah dengan menggunakan Pendekatan Gunaan yang menjelaskan aspek logik dan rasional dalam pugai, iaitu mencitrakan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang mereka lalui dalam kehidupan seharian, manakala pendekatan yang kedua adalah dengan menggunakan Pendekatan Kemasyarakatan yang menjurus kepada pengungkapan adab dan adat dalam ilmu pengetahuan yang terkait dalam ajaran Islam yang mereka amalkan dalam kehidupan seharian. Gabungan daripada teori ini membantu menghasilkan nilai kearifan tempatan yang terserlah menerusi analisis struktur baris dan klasifikasi pugai. Oleh yang demikian, pembinaan struktur dan baris dalam pugai mempunyai kaitan yang signifikan terhadap ilmu pengetahuan dan pengalaman sehingga terbentuknya kearifan tempatan.

## **STRUKTUR DAN KLASIFIKASI PUGAI MASYARAKAT BAJAU**

Berdasarkan kepada kajian lapangan yang telah dijalankan didapati bahawa terdapat pelbagai struktur pugai dan klasifikasi pugai. Kepelbagaian ini berlaku hasil interaksi sosial masyarakat setempat dengan keadaan persekitaran dalam usaha untuk memberi tindak balas dan menyelesaikan masalah yang mereka hadapi dengan menyediakan solusi berdasarkan kapasiti ilmu pengetahuan yang mereka miliki. Oleh yang demikian, pugai menggambarkan kepekaan masyarakat Bajau Kota Marudu yang cakna dengan bunyi-bunyi alam dan bunyi bahasa yang disandarkan dengan suatu realiti atau suatu fenomena kehidupan yang mereka kutip daripada pengalaman sebenar. Dalam pugai, ia mengandungi pemerian yang sengaja diperihalkan untuk menterjemahkan tradisi leluhur yang pada dasarnya amat dihormati dan dianggap sebagai sumber yang benar dan baik.

### **Struktur Pugai**

Pembentukan struktur bacaan dalam pugai berkait rapat dengan pengaruh alam dan agama Islam. Setiap struktur baris mempunyai suatu konsep dan pengertian yang tersendiri. Dalam pugai, jumlah struktur baris ditentukan berdasarkan sejauh mana pengalaman yang dialami oleh individu yang menghasilkan pugai. Namun demikian, struktur ini mempunyai kekuatan makna dari segi makna intrinsik, iaitu makna dalaman struktur ayat dan makna ekstrinsik yang menjurus kepada konteks makna dan citra yang lebih luas merangkumi segala latar belakang dan pengalaman seseorang sehingga terhasil suatu bacaan pugai.

Struktur pada dasarnya membawa maksud susunan kata-kata daripada suatu ayat, baris dan rangkap kata-kata. Informan Andih Hajun (2022) menyatakan kewujudan struktur dalam pugai bergantung pada fungsi pugai ataupun tujuan pugai diamalkan, misalnya pugai untuk meningkatkan kesuburan tanaman maka beberapa struktur ayat dibentuk berdasarkan pemikiran dan pengalaman yang dilalui oleh seseorang individu sehingga terhasil suatu bacaan pugai yang lengkap. Panjang pendek bacaan pugai tergantung pada situasi, keadaan yang dilalui oleh seseorang pengamal untuk membentuk kata-kata yang menerangkan permohonan suatu hajat menerusi pugai, atar belakang, maksud dan hasrat yang cuba disampaikan dalam suatu bacaan pugai itu. Berikut merupakan antara struktur baris yang terdapat dalam bacaan pugai. Berikut merupakan antara variasi struktur baris iaitu jumlah baris dalam pugai.

#### Pugai Empat baris

*Bismillah* ku minta izin pada nabi Alias  
Jika kau lelaki akan ku jadikan kawan  
Jika kau perempuan kan ku jadikan isteri  
Lailaha lillah Muhammad Rasulullah

#### Pugai Lima baris

##### **Pugai Pimutu**

*Bismillah*  
Alam tara ilal lazina  
Napaka suntum  
Ku pusing-pusing (nama) 3 kali  
Dengan jari telunjukku  
Luruslah kau padaku  
Seperti ku tunjuk namamu  
Amin, amin, amin berkat kau doaku  
Kerana nabi Muhammad kerana Allah.

#### Pugai Enam baris

##### **Pugai penyejuk hati**

*Bismillah* ku bis...  
Pugaiku Pugai si bisa bisa  
Seperti biasa ular

Pugaiku manis macam madu  
Pugaiku untuk sianu (nama) 3 kali  
Pugaiku Pugai penyejuk hati pimutu untuk si (nama) 3 kali

Pugai Tujuh baris

### **Pugai Nur**

Bis  
yaa rahim ya wadud  
yaa djabar ya waduud  
yaa djabar yaa latif ya rauf ya nur (sebanyak 7 kali)  
yaa Allah aku mohon dengan kekuatan asmamu  
yaa rahman buatlah si (nama orang)  
menjadi rindu lahir batin terhadap hambamu ini

Pugai Lapan baris

### **Pugai Lipat**

*Bismillah*  
ku baca dua lipat ini  
terguncang jasad dan roh sianu (nama orang)  
aku tak melipat tangan  
aku melipat hatinya terbuka padaku sri pengasih  
seri dari putih  
berkat diringi sang samar  
berkat kabul Allah

Pugai sembilan baris

### **Pugai Pimutu**

*Bismillah*  
Alam tara ilal lazina  
Napaka suntum  
Ku pusing-pusing (nama) 3 kali  
Dengan jari telunjukku  
Luruslah kau padaku  
Seperti ku tunjuk namamu  
Amin, amin, amin berkat kau doaku

*Jasman Bandar and Asmiaty Amat*

Kerana nabi Muhammad kerana Allah.

Pugai 10 baris

**Pugai pemikat hati**

*Bismillah*

Ku memakai pugai pemikat hati  
biarkan dia menampakkan cinta padaku  
biarkan dia menampakkan nafsunya padaku  
biarkan dia menampakkan sentuhan tanganku  
nang pa bunang  
pa bunang ali mengail  
ragipun runduk  
ragipun tunduk  
dengan berkat doa  
kabul laillaha illah

Pugai 11 baris

**Pugai Penarik**

*Bismillahirrahman nirrahim*

sir Allah sir Muhammad  
datang daripada Allah  
sirnya sirku nyawanya  
nyawaku rohnya rohku  
tubuhnya tubuhku  
rasanya rasaku kun jati  
niang rasa bertemu rasanya dengan rasaku  
hai tikullah berpindah  
engkau kerana tiada berisi sopan lagi  
terhimpunlah padaku berat

Pugai 12 baris

**Pugai Adam dan Hawa**

Assalamualaikum ya abu rahim  
aku membuka kunci  
Fatimah tujuh lapis kunci

besi terorak lagi  
terbongkar konon pulak  
kunci nafsu (nama orang  
aku Adam dan kau Hawa  
langit besar  
dulang tempat kita berdua  
berdua di alam  
ziatul badida  
berkat kabul Allah'

Pugai 16 baris

### **Pugai Lipat**

Bis,  
rindu kasih dan sayang  
goncangkan jasad dan roh  
aku melipat tangan  
aku melipat hati  
terbuka kepada ku  
sri pengasihku  
sri dali putih  
berkat diiringi  
sang semar  
hai rohani  
bukakan roh  
semangat (nama orang)  
dan ku rum-rum  
dan ku cumbu-cumbu  
berkat kabul Allah

Pugai 17 baris

### **Pugai 44 Malaikat**

*Bismillah*  
hai malaikat empat puluh empat  
aku suruh engkau, aku pinjam engkau  
seru engkau  
pergi ambil hati si (nama orang)  
bawa hantar kasih sayang pada ku  
siang dan malam tidak lupa aku



lupa akan akan aku  
lupa makan nasi  
lupa akan aku lupa minum air  
lupa akan aku  
lupa pakai kain  
lupa akan aku  
lupa sanggul rambut  
lupa akan aku'  
lupa engkau menyusu  
susu ibumu  
lupa engkau menyusu  
susuibumu  
tiada lupa akan aku  
berkat doa  
lailaha illah Muhammad Rasulullah

Pugai 24 baris

### **Pugai Batin**

Ya Allah hamba mohon dengan kekuatan  
asmamu yaa rauf  
buatlah (nama)  
menjadi senang melihat  
hamba lahir batin  
terhadapmu  
ya Allah hamba mohon dengan kekuatan asmamu  
yaa nur buatlah si (nama orang)  
menatap wajah  
hamba seperti menatap cahaya  
satu jasad dua nyawa rindu dan kasih sayang  
goncangkanlah jasad dan roh si anu  
ya Allah aku mohon dengan asmamu  
ya rahim buatlah (nama orang)  
menjadi sayang lahir batin terhadap hambamu ini  
ya Allah aku mohon  
dengan kekuatan asmamu yang rahim buatlah (nama orang)  
menjadi cinta lahir batin  
terhadap hamba mu ini  
ya Allah hamba mohon  
dengan kekuatan asmamu  
yaa jabar buatlah (nama )

menjadi tunduk lahir terhadap hambamu  
berkat kabul lailaha illah.

Berdasarkan kepada maklumat tersebut menunjukkan terdapat empat hingga 24 baris bacaan pugai. Kepelbagaian variasi struktur baris ini disebabkan oleh perbezaan citra ataupun pengalaman yang dilalui oleh individu yang menciptakan bacaan pugai. Sebagaimana kepercayaan masyarakat Bajau Kota Marudu, jumlah bacaan baris ini tergantung pada fungsi dan matlamat sesuatu pugai dibacakan dan disokong masukan pengalaman-pengalaman yang dicitrakan untuk memberikan kekuatan pada bacaan pugai.

### **Struktur Bacaan-Awalan dan Akhiran Bacaan Pugai**

Pembentukan struktur awalan dan akhiran yang mempunyai fungsi penguat dan peneguhan kepada isi kandungan yang berupa hasrat yang ingin disampaikan oleh seseorang itu. Menurut Andih (2022) terdapat pelbagai variasi struktur bacaan awalan dan akhiran yang memiliki konsep dan konteks pengucapannya dalam komunikasi magis bahasa yang cuba disampaikan oleh seseorang pengamal pugai.

Variasi pertama adalah berkenaan dengan struktur awalan dalam bacaan pugai terdapat pelbagai variasi pengungkapan awalan dalam bacaan pugai. Sepertimana yang telah disebutkan oleh Hashim Awang (2002) Teori Pengkaedahan Melayu Alam dan agama Islam saling berhubung kait dalam dunia kehidupan masyarakat Melayu. Bersandarkan kepada kenyataan ini, masyarakat Bajau Kota Marudu yang beragama Islam sangat akrab dengan alam persekitaran. Maka dengan itu, pembinaan struktur awalan ini adalah bertepatan dengan penerapan teori ini.

#### ***Struktur Bacaan Awalan***

Struktur awalan dalam pugai mengandungi pelbagai variasi dan sebutan yang terbentuk kesan daripada pengaruh alam dan agama Islam dalam kehidupan masyarakat Bajau Kota Marudu. Sebagaimana yang terdapat dalam kehidupan masyarakat Melayu alam dan agama Islam, ia menjadi teras kepada pembentukan pemikiran dan kepercayaan masyarakat setempat (Mohd Taib Osman, 1977). Berikut merupakan antara variasi struktur awalan dan bacaan pugai.

#### ***Berniat memohon kepada Allah***

Struktur awalan yang pertama adalah dengan berniat dengan memohon kepada Allah. Hal ini biasa dilakukan dalam kalangan pengamal pugai yang mengakui kewujudan kuasa Allah, Tuhan yang menguasai alam semesta. Maka dengan itu,

ungkapan ini dilakukan dengan menyeru dan menyandarkan kepada kekuatan Allah atas segala niat dan hasrat yang diinginkan.

- Bismillah
- Bismillah* ku bis...
- ya Allah hamba mohon dengan kekuatan
- Bismillahirrahman nirrahim*

Ungkapan menjelaskan seseorang itu berniat untuk memohon sesuatu kepada Allah. Walaupun pada dasarnya, pugai yang dibacakan bertujuan untuk mendapatkan sesuatu tetapi pada dasarnya pengamal percaya bahawa segala hajat mereka perlu mendahulukan permohonan kepada Allah kerana hanya Allah yang mampu menunaikan hajat mereka terhadap sesuatu. Dengan kata lain, konsep utama pengamalanya adalah dengan memohon sesuatu hanya kepada Allah, barulah mereka akan meneruskan ungkapan inti bacaan pugai untuk mengungkapkan hasrat dan keinginan. Bacaan awalan pugai pada masa dahulu biasanya dimulakan dengan menyebut nama sesuatu makhluk benda atau apa sahaja ditujukan disebabkan pada masa dahulu mereka belum lagi mengenal Tuhan dan kepercayaan animisme dijadikan sebagai kepercayaan dan landasan dalam kehidupan mereka. Ia bertepatan dengan Pengkaedahan Melayu yang mana alam dan agama Islam memberikan pengaruh kepada pembentukan tradisi lisan masyarakat setempat.

*Meminta keizinan kepada penjaga atau ketua di sesuatu tempat*

- Bismillah ku minta izin pada nabi Alias

Terdapat bentuk pengucapan bacaan awalan pugai dimulakan dengan ungkapan bismillah, iaitu menyandarkan kepada Allah dan seterusnya disebutkan nama watak nabi sebagai penguat kata awalan. Pada masa dahulu ungkapan ini, dianggap sebagai raja penguasa hutan dan segala tumbuh-tumbuhan. Senario ini biasanya berlaku apabila mereka hendak mendapatkan suatu zat, kekuatan, aura, tenaga, dan juga fungsi majaz yang ada pada sesuatu tumbuhan yang telah mereka kenal pasti agar ia dapat membantu memberikan kekuatan dalaman dan luaran sehingga ia dapat memberikan kesembuhan. Dalam kepercayaan masyarakat Bajau Kota Marudu juga percaya bahawa segala sesuatu yang ada dalam dunia ini adalah penghuninya, bahkan jika mereka berada di dalam hutan sekalipun mereka tidak boleh merosakkan tumbuhan, mengambil buah, melempar pohon dengan sesuatu bahkan memetik daun sekalipun tanpa keizinan daripada makhluk yang menghuni tumbuhan. Sebagaimana yang ditegaskan dalam teori Pengkaedahan Melayu manusia itu perlu menghargai alam dan Tuhan. Cara menghargai Tuhan adalah menghormati segala ciptaannya.

*Menyebut kata-kata makrifat*

Dalam kehidupan masyarakat Bajau, wujud kepercayaan tentang suatu kata atau ungkapan yang dapat memberikan kesan magis. Atas sebab demikian, terdapat kata-kata yang dibataskan penyebutannya. Hal ini bertujuan untuk menjaga adab dan etika dalam kehidupan harian. Ini kerana dalam kata-kata makrifat itu mempunyai pelbagai tafsiran yang menyangkut kepercayaan, keyakinan masyarakat setempat terutamanya dalam kalangan pengamal yang dikatakan memiliki firasat yang tinggi berbanding masyarakat setempat. Kata-kata makrifat ini mempunyai latar belakang yang bersifat dramatik terhadap sesuatu kejadian dalam dunia ini. Kesemua ini hanya akan dapat ditafsirkan dan difahami oleh orang yang berwibawa dan arif sahaja. Antara bentuk kata-kata makrifat.

-Aku membaca *alif ba*

Penyebutan kata-kata makrifat adalah sesuatu yang dianggap bernilai dalam kehidupan masyarakat Bajau Kota Marudu. 'Alif' merupakan salah satu huruf tunggal dalam huruf hijayah dan ia sering disandarkan dengan nama Allah yang memiliki sifat tunggal, iaitu Tuhan yang maha esa dengan kata lain Tuhan yang satu. Atas sebab demikian, terdapat bacaan awalan pugai dimulakan ungkapan 'Alif'. Ungkapan 'Alif' juga bermaksud seseorang itu menyerahkan segala urusannya hanya kepada Allah semata-mata.

*Menyebut tempat*

Terdapat variasi bacaan pugai yang menyebut nama tempat sebagai awalan dalam bacaan pugai. Penyebutan nama tempat ini, adalah untuk menjelaskan sesuatu yang bersifat nyata dan ghaib serta tidak diketahui namanya. Namun diyakini akan kewujudan dan peranannya dalam membantu menunaikan suatu hajat dan permintaan.

"Bismillah kau makhluk di atas menyebut watak"

Lazimnya, perkara ini dilakukan untuk tujuan meminta keizinan, memberi penghormatan, tidak membuat semangat takut atau terkejut. Ini kerana jika semangat itu berasa terkejut dan terancam ia berkemungkinan besar akan memberikan kesan dan akibat buruk kepada seseorang itu, sama ada disedari atau tanpa disedarinya.

*Menyebut watak fizikal sesuatu yang ditujukan*

Terdapat variasi awalan bacaan pugai yang dilakukan dengan menyebut watak fizikal bertujuan untuk menghormati makhluk tertentu. Mereka percaya bahawa ada makhluk dalam dunia ini yang tidak senang jika namanya disebut secara langsung dan itu dianggap tidak menghormati jasad dan peribadi makhluk tersebut. Mereka khuatir pemilik nama memberi sumpahan, penyakit dan musibah. Oleh sebab itu, petua dan pantang larang serta pedoman ini diwajibkan oleh orang lama masyarakat Bajau Kota Marudu untuk dipatuhi.

*“Bis, kau makhluk tidak bertangan dan berkaki”*

Menerusi petikan ini menjelaskan tentang makhluk ‘ular’, yang dirujuk dalam bacaan pugai. Masyarakat pantang menyebut nama-nama haiwan buas, berbisa dan segala haiwan yang berpotensi berbahaya. Atas sebab demikian, suatu ungkapan yang menjelaskan nama makhluk tersebut perlu dilakukan dengan menyebut watak fizikal, agar tidak menimbulkan sebarang kemarahan terhadap makhluk tersebut.

*Memberi salam*

Amalan memberi salam merupakan suatu kewajipan yang perlu dilakukan ia adalah sebagai simbolik penghormatan antara sesama manusia, haiwan, tumbuhan dan makhluk sejagat. Atas sebab demikian, ‘kata salam’ memberikan makna konotasi dan denotasi tentang kearaban dan suatu penghormatan. Maka dengan itu, terdapat pugai yang menggunakan ungkapan memberi salam sebagai struktur awalan dalam bacaan pugai.

*“Assalamualaikum ya abu rahim”,*

Perkara yang biasa dilakukan dalam kehidupan masyarakat Bajau adalah memberi salam. Memberi salam adalah satu bentuk penghormatan dan menjalin hubungan sesama makhluk dengan lebih erat. Memberi salam di mana-mana tempat menunjukkan keakraban dan menunjukkan sifat dan niat yang baik seseorang pengunjung ke sesuatu tempat. Menerusi amalan memberi salam dianggap sebagai cara seseorang itu berkomunikasi untuk mendapatkan sesuatu perlindungan di tempat mereka kunjungi. Misalnya apabila berada di dalam hutan dengan memberi salam kepada sesuatu makhluk itu akan membantu perjalanan mereka di hutan agar tidak tersesat.

### *Bentukan doa*

Masyarakat Bajau Kota Marudu percaya bahawa setiap kata-kata itu adalah doa. Pugai dijadikan sabagai salah satu cara untuk mereka menyampaikan dan mengekspresikan segala hasrat dan keinginan yang hendak dicapai. Oleh itu, terdapat struktur awalan dan pugai yang menggunakan pendekatan ini.

*“Ya Allah hamba mohon dengan kekuatan”*

Ungkapan di atas menjelaskan bacaan awalan pugai dalam bentuk bacaan doa. Maksud daripada ungkapan ini dilakukan dengan memberikan sepenuh penyerahan kepada Allah yang memberi segala kekuatan, keberhasilan dan kerberkesanan sesuatu bacaan. Bacaan pugai dalam konsep doa ini memperlihatkan keakraban dan keterikatan agama dan budaya masyarakat Bajau Kota Marudu.

### *Pemasangan niat*

Pemasangan niat mempunyai persamaan dengan bacaan pugai dalam bentuk doa. Namun dalam pemasangan niat ini ditujukan secara khusus terhadap suatu sifat, nama serta tujuan khusus yang hendak dicapai.

*“Bismillah aku memakai si doa penggoncang”*

Ungkapan menjelaskan bentuk bacaan awalan dengan mengungkapkan nama niat daripada pugai itu. Pemasangan niat bertujuan untuk menjelaskan secara terus dan tepat terhadap sesuatu keinginan yang hendak mereka capai. Oleh yang demikian, bentuk awalan bacaan pugai ini adalah bertujuan untuk menyampaikan sesuatu hasrat secara terus.

### *Menyebut nama tumbuh-tumbuhan/pokok*

Penyebutan nama tumbuh-tumbuhan biasanya awalan bacaan pugai yang dilakukan untuk mendapat kesan magis terhadap suatu tumbuhan/pokok bagi tujuan amlaan pertanian dan pengubatan tradisional.

*“Hoi pokok (nama pokok)”*

Penyebutan nama pokok biasanya dilakukan bagi tujuan membangkitkan semangat pokok itu untuk tumbuh membesar. Lazimnya cara ini dilakukan petani yang mendapat hasil tanaman yang subur. Penyebutan nama-nama pokok ini dilakukan dengan memberikan suatu kata-kata pujian yang dilakukan bagi memberikan semangat pokok itu untuk hidup subur.

### *Menyebut watak asal usul*

Masyarakat Bajau Kota Marudu tertib dan mementingkan rasional serta logik sesuatu perkara yang hendak mereka ungkapkan. Maka dengan itu, mereka mencari justifikasi dan signifikan suatu kata-kata itu secara lebih mendalam. sehubungan dengan itu, dalam amalan pugai bentukan struktur awal yang menyebut watak asal usul adalah amat penting untuk mereka memulakan suatu bacaan pugai,

*“Bismillah anak Adam anak Hawa”*

Bentuk bacaan awalan menjelaskan sebutan watak asal usul untuk dijadikan sebagai bacaan awalan dalam suatu jenis pugai. Bentuk awalan dilakukan untuk memberikan pemahaman terhadap suatu konteks atau konsep ilmu pengetahuan dan kehidupan yang hendak mereka nyatakan. Ia bertujuan memperkuat keyakinan pengamal pugai untuk menyatakan hasrat dan keinginan. Bacaan ini dipengaruhi oleh pola pemikiran dalam kehidupan masyarakat Bajau yang menekankan agar seseorang sentiasa mengetahui asal usul, berilmu dan mahir dalam bidangnya.

Bentuk awalan biasanya mempunyai pelbagai variasi berdasarkan kepada niat, hasrat dan tujuan pengucapan suatu bacaan pugai dilakukan. Namun berbeza pula dengan struktur akhiran. Kebanyakan struktur akhiran hanya mengakhirkan bacaan pugai dengan ungkapan berikut.

### *Bentuk Akhiran dalam Bacaan Pugai*

#### *Struktur akhiran*

- Lailaha illah Muhammad Rasulullah
- Kerana nabi Muhammad kerana Allah
- berkat kabul Allah
- kabul laillaha illah
- lailaha illah Muhammad Rasulullah
- berkat kabul lailaha illah.
- Berkat kau doa ku lila taala

Ungkapan menjelaskan struktur akhiran dalam bacaan pugai, bentuk akhiran ini hanya berupa ungkapan menyebut nama Allah, nama nabi seperti *Lailaha illah Muhammad Rasulullah, Kerana nabi Muhammad kerana Allah lailaha illah Muhammad Rasulullah*. Tujuan menyebut kalimah Allah dan nabi adalah agar

segala permohonan yang diungkapkan dalam bacaan pugai dapat diperkenankan. Selain itu, terdapat juga ungkapan yang hanya berbentuk penyerahan kepada Allah seperti dalam ungkapan *berkat kabul Allah, kerana Allah, lilahi taala. berkat kabul lailaha illah, Berkat kau doa ku lilahi taala*. Beberapa jenis pugai tidak mempunyai struktur akhiran, kerana dianggap telah memulakan dengan bacaan bismillah di awal bacaan pugai. Namun pugai jenis ini amat kurang digunakan oleh masyarakat Bajau dahulu kala setelah kedatangan agama Islam. Menerusi maklumat berkenaan dengan struktur awalan dan akhiran pugai yang telah dianalisis dengan menggunakan pendekatan gunaan dan pendekatan kemasyarakatan. Didapati bahawa pugai bahawa alam dan agama Islam menjadi teras kepada pembentukan struktur awalan dan akhiran. Analisis kajian juga mendapati kepelbagaian struktur awalan dalam bacaan pugai adalah kerana bertujuan untuk menjaga adat dan adab sesama makhluk yang ada dalam dunia ini. Ini merupakan salah satu sudut pandang dunia masyarakat Bajau Kota Marudu dalam menanggapi dan mentafsir serta bertindak terhadap persekitaran yang merekaalui dalam kehidupan seharian.

### **KLASIFIKASI PUGAI MASYARAKAT BAJAU KOTA MARUDU**

Pengamalan pugai mempunyai implikasi positif iaitu membentuk perwatakan dan akhlak yang baik dalam kalangan pengamal pugai disebabkan penghayatan dan penerapan nilai ilmu pengetahuan menerusi unsur Islam dan alam yang mampu membentuk disiplin dan adab. Namun demikian, pugai juga memberikan kesan negatif jika pengamal bersifat sombong akan ilmu pengetahuan dan kebolehan yang dimilikinya. Menurut kepercayaan Bajau Kota Marudu, Pugai juga dianggap suatu bacaan yang memiliki sifat sakral yang jika disalahgunakan akan memberikan kesan negatif bukan sahaja kepada orang yang ditujukan malah kepada diri pengamal sendiri. Misalnya mereka percaya akan ditimpa pelbagai musibah. Menurut Manang Matusin (2021) apapun ilmu pengetahuan dalam dunia ini walau ia bernilai baik jika ada sifat kesombongan dan disalahgunakan pasti akan memberikan akibat yang tidak baik.

Pendekatan gunaan mendapati bahawa pugai terdiri daripada tiga klasifikasi dalam kehidupan masyarakat Bajau Kota Marudu. Kewujudan tiga klasifikasi ini menunjukkan terdapat pencirian khusus suatu mantera dibacakan dan berdasarkan tujuan tertentu yang disasarkan kepada subjek tertentu. Klasifikasi tersebut adalah berkenaan tujuan pugai digunakan, iaitu untuk manusia, haiwan dan tumbuhan. Klasifikasi ini berlaku berdasarkan fungsi pugai tersebut dalam kehidupan masyarakat setempat.



### **Klasifikasi Pugai untuk Manusia**

Pugai untuk manusia biasanya dilakukan untuk tujuan seperti pengasih, penyejuk, bahkan juga digunakan untuk pengobatan dan terapi.

#### **Pugai Lipat**

Bis,  
rindu kasih dan sayang  
goncangkan jasad dan roh  
aku melipat tangan  
**aku melipat hati**  
**terbuka kepada ku**  
**sri pengasihku**  
**sri dali putih**  
berkat diiringi  
sang semar  
hai rohani  
bukakan roh  
semangat (nama orang)  
dan ku rum-rum  
dan ku cumbu-cumbu  
berkat kabul Allah

*aku melipat hati*  
*terbuka kepada ku*  
*sri pengasihku*  
*sri dali putih*

Pugai tersebut menjelaskan tujuan pugai bagi membangkitkan rasa kasih dan sayang seseorang terhadap orang yang dicintanya. Pugai jenis ini hanya berkesan untuk seseorang yang memiliki tujuan yang baik sahaja dan untuk mencari jodoh. Tujuan bacaan pugai ini, agar jejaka yang melihat gadis, timbul rasa suka terhadap gadis tersebut. Ini dizahirkan menerusi ungkapan aku melipat hati yang membawa maksud, meyakinkan hati pembaca untuk memikat hati dan agar terbuka hati gadis yang dipikatnya.

#### **Pugai penyeri**

Bismillah  
Terangku terang bulan  
Cahayaku cahaya muka  
Mukaku seperti bidadari  
Mukaku berseri-seri

Bila (sianu) nama melihatku  
Hatinya tambah kasih padaku  
Amin ya rabbal alamin

Menerusi ungkapan menjelaskan pugai untuk manusia dalam jenis pemanis yang dibacakan oleh gadis agar sesiapa yang melihatnya akan berasa kagum dan berasa kasih sayang serta cinta lahir batinnya kepada gadis itu.

### **Klasifikasi Pugai untuk Haiwan**

Pugai untuk haiwan adalah kategori pugai yang bertujuan untuk mengelakkan diri daripada serangan haiwan buas, menjinakkan haiwan, menambahkan rezeki bagi yang bekerja sebagai nelayan.

#### **Pugai untuk jinakkan buaya**

Aku membaca alif ba  
Ku bungkamkan mulutmu  
Terus tertutup mulut mu  
Ku buka ba' ta'  
Baru terbuka mulut mu  
Berkat kabul la illah Muhammad Rasulullah  
Aku membaca alif ba  
Ku bungkamkan mulutmu  
Terus tertutup mulut mu  
Ku buka ba' ta'  
Baru terbuka mulut mu

Pugai tersebut biasa digunakan orang Bajau untuk berindung daripada serangan haiwan buas. Bacaan pugai ini dimetaforakan buaya tersebut akan menutup mulutnya serapat-rapatnya semasa seseorang itu berada berhampiran dengan buaya. Pugai jenis ini dianggap hanya berkesan dilakukan kepada orang tertentu yang dianggap telah diberikan ilham sama ada melalui mimpi dan melalui cara-cara tertentu yang mereka alami dalam kehidupan seharian.

### **Klasifikasi Pugai untuk Tumbuh-tumbuhan**

Pugai untuk tumbuh-tumbuhan ini dilakukan khusus kepada tumbuh-tumbuhan, sama ada bertujuan untuk meningkatkan kesuburan tanaman, untuk kegunaan pengubatan, dan beberapa tujuan lainnya. berikut merupakan pugai kategori tumbuhan untuk tujuan pengubatan.

#### **Pugai Rengas**

Bismillah ku minta izin pada nabi Alias

Jika kau lelaki akan ku jadikan kawan  
Jika kau perempuan kan ku jadikan isteri  
Lailaha illah Muhammad Rasulullah

Pugai di atas dibacakan untuk tujuan menyembuhkan seseorang daripada terkena alergi penyakit merah-merah dan gatal seluruh badan kesan daripada sentuhan ataupun terkena getah dengan sesuatu jenis tumbuhan. Maka dengan itu, alternatif dalam penyelesaian masalah ini lazimnya, dilakukan dengan menyebut bacaan pugai di atas agar kesan alergi itu hilang dengan cepat. Cara ini dianggap sebagai usaha berdamai dengan semangat yang ada pada tumbuh-tumbuhan itu agar menarik kembali bisa racun alergi yang terkena pada seseorang individu itu, agar individu yang terkena pohon rengas itu akan sembuh dan tidak menderita akibat penyakit tersebut.

## **PERBINCANGAN**

Amalan pugai mempunyai dua implikasi. Pertama adalah dalam implikasi positif, iaitu ia akan membentuk perwatakan dan akhlak yang baik dalam kalangan pengamal pugai disebabkan penghayatan dan penerapan nilai ilmu pengetahuan menerusi unsur Islam dan alam dalam bacaan pugai kerana ia membentuk disiplin dan adab. Namun demikian, pugai juga dapat memberikan kesan negatif apabila sang pengamal bersifat sombong akan ilmu pengetahuan dan kebolehan yang dimilikinya. Menurut kepercayaan Bajau Kota Marudu, Pugai juga dianggap suatu bacaan yang memiliki sifat sakral yang jika disalahgunakan akan memberikan kesan negatif bukan sahaja kepada orang yang ditujukan malah kepada diri sendiri. Misalnya, akan selalu merasa sial dalam mencari rezeki, ditimpa pelbagai musibah dan masalah. Menurut Manang Matusin (2021) apapun ilmu pengetahuan dalam dunia ini walau ia bernilai baik jika ada sifat kesombongan dan disalahgunakan pasti akan memberikan akibat yang tidak baik. Misalnya seseorang yang belajar agama jika ia disalahgunakan pasti akan memberikan kesan negatif yang memberi mudarat dan kekeliruan pada diri sendiri dan juga kepada orang.

Terdapat pugai yang dikategorikan sebagai pugai yang memiliki jumlah yang pendek dan panjang iaitu bermula daripada empat baris sehinggalah 24 baris bergantung kepada sesuatu yang hendak disampaikan dalam suatu bacaan pugai. Dalam kandungan bacaan pugai pula mengandungi prosedur-prosedur bagi seseorang itu mencapai sesuatu tujuan tergantung pada citra dan latar kehidupan masyarakat mereka pernah lalui. Pugai yang dilafazkan pula memperlihatkan bahawa ia bukan hanya bertujuan untuk manusia tetapi juga terdapat pugai yang khusus untuk tumbuh-tumbuhan dan haiwan.

Seterusnya struktur awalan dan akhiran bacaan pugai menunjukkan dinamika pemikiran masyarakat Bajau Kota Marudu dengan keadaan dan situasi persekitaran mereka. Perkara ini memperlihatkan kearifan lokal mereka dalam usaha untuk mendapatkan alternatif penyelesaian masalah yang dihadapi secara praktikal. Konsep yang diperlihatkan menerusi bentuk pugai adalah berdasarkan kepada fungsi pugai itu digunakan dan untuk mencapai sesuatu tujuan yang dikehendaki. Berdasarkan kepada contoh bentuk pugai menjelaskan kepelbagaian fungsi pugai dalam kehidupan masyarakat Bajau Kota Marudu. Jumlah baris ini menurut informan adalah tertakluk kepada tahap kesukaran merealisasikan bacaan pugai tersebut. Maka dengan itu, ia menjadi justifikasi mengapa bentuk baris dalam bacaan pugai adalah tidak sama.

Terdapat tiga kategori bacaan pugai yang memiliki tujuan dan fungsi yang berbeza. Tiga kategori bacaan pugai ini menunjukkan kepekaan masyarakat pengamal terhadap perkara yang berlaku di persekitaran mereka dan menjelaskan segala upaya untuk membantu mereka menyelesaikan masalah yang mereka hadapi dalam kehidupan seharian bukan.

Setiap struktur, rangkap, baris dan perkataan yang ada dalam pugai mengandungi wacana dan citra dan sudah tentunya mengandungi pemikiran dan falsafah yang berhubung kait dengan pengalaman-pengalaman berharga masyarakat terdahulu. Seperti mantera lain, pugai membolehkan manusia berinteraksi dengan tuhan, alam, makhluk ghaib demi mendapat kesejahteraan dan keharmonian hidup. Maka dengan itu, pugai turut berperanan penting dalam masyarakat Melayu dalam mencapai matlamat sama ada berkenaan dunia nyata dan dunia ghaib. Bertitik tolak daripada kenyataan ini, pugai adalah daripada jenis mantera, sudah pasti juga memiliki fungsi kepada masyarakat pendukungnya.

## **PENUTUP**

Secara keseluruhannya, dokumentasi dan analisis yang telah dilakukan terhadap mantera pugai masyarakat Bajau Kota Marudu telah menemukan satu korpus ilmu baru. Selain menambahkan dapatan mantera sedia ada, kajian ini telah menjelaskan struktur, baris dan klasifikasi pugai dalam kehidupan masyarakat pengamal. Dapatan ini turut memberikan perspektif baru berkenaan keberadaan pugai dalam masyarakat tersebut serta pemerihalan kearifan lokal masyarakat yang belum pernah diteroka. Penggunaan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan gunaan dan kemasyarakatan turut memberi kefahaman latar belakang budaya, sejarah sesuatu etnik tanpa menghakimi bentuk pugai yang mereka miliki dan amalkan sebelum ini. Justeru dalam memahami pugai masyarakat

Bajau Kota Marudu perlu memahami akar pembentukan budaya masyarakat Bajau Kota Marudu itu yang akrab dengan alam dan agama Islam.

## RUJUKAN

- Ain Apainah Yuni, Asmiaty Amat, Pironok. 2019. Mantera pemimpin Dusun Kimaragang. *Jurnal Gendang Alam*. Jilid 9. 2019. Kota Kinabalu: Fakulti Kemanusiaan Kesenian dan Warisan. Hlm 85-96.
- Ashriyati, Ni'am. 2010. *Struktur mantra pengasih: Suatu Kajian Struktur dan Makna*. Semarang: Universitas Negeri Semarang.
- Dundes, A. 1965. *The story of folklore*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Frazer, Sir James. 1922. *The Golden Bough, A Study in Magic and Religion* (abridged edn). London: Macmillan.
- Gusni Saat. 2018. Budaya Material Pengeluaran Hasil Tradisional Etnik Sama Bajau Pantai Barat Sabah. PASWFN Prosiding Persidangan Antarabangsa Sejarah Warisan dan Folklore Nusantara. 15-16 Ogos 2018. Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah Kota Kinabalu Sabah, Malaysia.
- Halina Sendera Mohd Yakin. 2013. *Semiotik dalam Adat Kematian Bajau*. Tesis Doktor Falsafah. University Malaya. Kuala Lumpur.
- Hashim Awang. 1996. Mantera sebagai Pengucapan Simbolik: Analisis Pemikiran Melayu Tesis Kedoktoran, Jabatan Pengajian Melayu. Fakulti Sastera & Sains Sosial. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Hanafi Hussin. 2008. Diaspora Bajau Laut dan Pengekalan Serta Penerusan Amalan Tradisi Sabah, *Borneo Research Journal*, No 2.
- Haron Daud. 2009. *Mantera dan Unsur Luar Biasa dalam Masyarakat Melayu*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Hashim Awang. A.R. 2007. Mantera dalam Perubatan Melayu Sebagai Pancaran Dunia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hermansyah. 2010. *Ilmu Gaib di Kalimantan Barat*. Jakarta. Penerbit Gramedia.
- Jasman Bandar, Lokman Abdul Samad & Asmiaty Amat. 2018. "Pugai Masyarakat Sungai Kota Marudu Suatu Pengenalan" 15 - 16 Ogos 2018. Persidangan Antarabangsa Sejarah, Warisan dan Folklor Nusantara 2018 (PASWFN 2018) Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah. Minah Sintian. 2012. *Mantera atau Rinait Kadazandusun: Tinjauan dalam Aspek Pengamal dan Fungsinya dalam Kehidupan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Hj. Salleh. 1999. Estetika Pantun Melayu. dlm. *Menyeberang Sejarah: Kumpulan Esei Pilihan Sasterawan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hj. Salleh. 1992. *Puitika Sastera Melayu Suatu Pertimbangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Hj. Salleh. 2000. *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Rahmah Abdul Ghani, Zahir Ahmad & Sabzali Musa Kahn. 2019. "Mantera Kecantikan Wanita Bajau: Analisis Bahasa Dan Pemikiran" JMS Vol. 2 Issue 1 (2019): 306 – 327
- Richard Winstedt. 1933. *The Malay Magician: Being Shaman, Saiva, And Sufi*. Edisi Ke-33. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ros Aiza Mohd Mokhtar. 2015. Konsep Sinkretisme M Ros Aiza Mohd Mokhtar. 2015. Konsep Sinkretisme Menurut Perspektif Islam: Kajian Terhadap Adat dan Kepercayaan Masyarakat Kedayan. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Saidatul Nornis Hj Mahali. 1999. "Mantera dalam kalangan petani Bajau". *Jurnal Kinabalu* V (1999) 51-82. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.
- Saidatul Nornis Hj Mahali. 2012. *Bajau Pantai Barat. Siri Etnik Sabah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Soedjijono, dkk. 1987. *Struktur dan Isi Mantra Bahasa Jawa di Jawa Timur*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Syamsul Azizul Bin Marinsah. 2013. *Amalan Tradisi dalam Masyarakat Bajau di Semporna Sabah: Analisis Dari Perspektif 'Urf Dalam Hukum Islam*. Jabatan Fiqh Dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.

### **Informant**

- Andih Hajun (2022). Kg Biraan Laut, Kota Marudu, Sabah.
- Oyon Balapik (2022). Kg Beliajung, Kota Marudu, Sabah
- Manang matusin (2021). Kg Ranau-Ranau Kota Marudu, Sabah
- Zubaidah Said (2022). Kg. Taritipan, Kota Marudu, Sabah